

02 FEB 1999

DR MAHATHIR LANCAR PELAYARAN SOLO AZHAR KELILINGI DUNIA

LANGKAWI, 2 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melepaskan pelayaran Azhar Mansor dalam percubaannya mengelilingi dunia secara solo dengan kapal layar.

Ketika berucap pada pelancaran rasmi Cabaran Jalur Gemilang 1999 itu di sini, Dr Mahathir berkata usaha Azhar merupakan usaha yang sukar dilakukan kerana beliau terpaksa belayar mengelilingi dunia dalam masa kurang daripada 105 hari tanpa henti.

Beliau berkata ini merupakan cabaran ketiga oleh rakyat Malaysia selepas cabaran pertama, menawan Gunung Everest dan kedua, Ekspedisi Khutub Utara, yang telah membawa kegemilangan kepada negara.

"Saya rasa beliau (Azhar) akan dapat menempuhi segala cabaran yang ditempuhinya dan insya-Allah Azhar akan pulang dengan selamat," katanya.

Dr Mahathir berkata percubaan Azhar itu dapat dilakukan kerana beberapa syarikat mempunyai "duit lebih" untuk membantu dalam penganjuran pelayarannya walaupun negara menghadapi masalah ekonomi.

Dengan pelayaran itu, Azhar, 40, anak kelahiran Perlis, bukan hanya mencuba untuk menjadi rakyat Malaysia pertama mengelilingi dunia dengan kapal layar mengikut laluan baru barat-timur tetapi juga untuk mencatatkan masa terpantas pelayaran tanpa henti secara solo.

-- BERNAMA

NH JM NMO